



WHISTLEBLOWING POLICY

POLISI PENDEDAHAN MAKLUMAT

HUMAN CAPITAL DIVISION

APAKAH ITU PENDEDAHAN MAKLUMAT?

Secara umum, pendedahan maklumat adalah **satu bentuk penyataan atau pelaporan yang dilakukan oleh seseorang secara sukarela**, mengenai **kelakuan tidak wajar, salah urus, rasuah, melanggar undang-undang atau kesalahan** yang mungkin dilakukan, sedang dilakukan atau telah dilakukan oleh **seseorang individu, sekumpulan individu atau organisasi**.



OBJEKTIF POLISI

- **Mendorong kakitangan dan pihak luar** untuk **membuat pendedahan maklumat** mengenai kelakuan tidak wajar seawal mungkin melalui prosedur yang telah ditetapkan dalam polisi
- **Memastikan kakitangan** bersikap **lebih bertanggungjawab** dan **tidak menyalahguna kuasa** dan **kedudukan**
- **Memberikan perlindungan** yang sewajarnya kepada **pemberi maklumat** daripada tindakan yang memudaratkan akibat daripada pendedahan maklumat yang dilakukan untuk menjaga kerahsiaan pemberi maklumat
- **Mempromosikan komunikasi terbuka** dan **budaya kerja yang telus** sebagai mekanisme 'check & balance' dalam Suruhanjaya

CARA PENDEDAHAN MAKLUMAT

1

Dibuat sekiranya kelakuan tidak wajar:

Berkemungkinan berlaku

Telah dilakukan

Sedang dilakukan

2

Pendedahan maklumat boleh dibuat **melalui saluran-saluran berikut**, dengan syarat bahawa pendedahan maklumat sedemikian tidak dilarang secara khusus oleh mana-mana undang-undang bertulis:

ORANG YANG DIADU

ADUAN KEPADA

ALAMAT EMEL

KAEDAH LAIN

Kakitangan



Jawatan
'Whistleblowing'

wbc@mcmc.
gov.my

Surat dalam sampul tertutup dengan kemas dengan label indikasi "**Surat hanya boleh dibuka oleh Jawatankuasa Whistleblowing**"; dan dialamatkan ke alamat berikut:

Jawatankuasa 'Whistleblowing'
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia,
MCMC HQ Menara 1 Jalan Impact 63000,
Cyberjaya Selangor Darul Ehsan

ORANG YANG DIADU

**Ahli Suruhanjaya selain
daripada Pengerusi**

atau

**Ahli Jawatankuasa
"Whistleblowing"**



ADUAN KEPADA

Pengerusi

Pengerusi



ALAMAT EMEL

*chairman@mcmc.
.gov.my*

Jawatan
'Whistleblowing'

*wbc@mcmc.
.gov.my*

KAEDAH LAIN

Surat dalam sampul tertutup dengan kemas dengan label indikasi "***Surat hanya boleh dibuka oleh Pengerusi***"; dan dialamatkan ke alamat berikut:

Pengerusi

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia,
MCMC HQ Menara 1 Jalan Impact 63000,
Cyberjaya Selangor Darul Ehsan

Surat dalam sampul tertutup dengan kemas dengan label indikasi "***Surat hanya boleh dibuka oleh Jawatankuasa 'Whistleblowing'***"; dan dialamatkan ke alamat berikut:

Jawatankuasa 'Whistleblowing'

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia,
MCMC HQ Menara 1 Jalan Impact 63000,
Cyberjaya Selangor Darul Ehsan

3

Pemberi Maklumat adalah digalakkan untuk membuat Pendedahan Maklumat melalui **Borang “Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar”**

4

Pemberi Maklumat adalah bebas untuk membuat Pendedahan Maklumat mengenai Kelakuan Tidak Wajar yang dilakukan oleh mana-mana Orang Yang Diadu kepada Agensi Penguatkuasaan lain.

Sebarang penyiasatan dan/atau tindakan yang diambil adalah tertakluk kepada prosedur Agensi Penguatkuasaan yang berkenaan dan bebas daripada prosedur yang dijelaskan dalam Polisi ini.

PERLINDUNGAN BAGI PEMBERI MAKLUMAT

1

Suruhanjaya sentiasa komited untuk memberikan **perlindungan kepada Pemberi Maklumat** selari dengan **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] ("WPA 2010")** dan undang-undang yang terpakai oleh Suruhanjaya.

2

Mana-mana orang yang **tidak bertindak dengan niat baik tidak berhak mendapat perlindungan** di bawah Polisi ini. Selain itu, kakitangan yang membuat Pendedahan Maklumat yang terbukti dibuat tanpa niat baik boleh dikenakan **Tindakan Tatatertib**.

3

Pemberi Maklumat yang ingin **menarik balik Pendedahan Maklumat** yang dibuat perlu menghantar emel ke **wbc@mcmc.gov.my**, dengan **mengemukakan alasan-alasan** bagi penarikan semula Pendedahan Maklumat yang berkenaan. Walaupun penarikan semula Pendedahan Maklumat dibuat, **Jawatankuasa 'Whistleblowing' berhak untuk meneruskan siasatan** mengenai perkara-perkara yang timbul daripada Pendedahan tersebut.






SYARAT PENDEDAHAN MAKLUMAT DIBUAT DENGAN 'NIAT BAIK'

- Perlindungan Maklumat Sulit iaitu **mana-mana orang yang membuat atau menerima pendedahan Kelakuan Tidak Wajar atau memperoleh Maklumat Sulit dalam perjalanan penyiasatan** terhadap pendedahan sedemikian **tidak boleh mendedahkan maklumat sulit** itu atau mana-mana bahagiannya seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 8, WPA 2010;
- Tertakluk kepada subseksyen 11(1), WPA 2010, **kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah** yang mana seseorang pemberi maklumat **tidak tertakluk kepada apa-apa liabiliti sivil atau jenayah** atau apa-apa liabiliti yang berbangkit melalui proses pentadbiran, termasuk tindakan tatatertib, dan tiada tindakan, tuntutan atau desakan boleh diambil atau dibuat terhadap pemberi maklumat kerana membuat pendedahan kelakuan tidak wajar seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 9, WPA 2010; dan

- Perlindungan terhadap Tindakan Yang Memudaratkan di mana **tiada seorang pun boleh mengambil tindakan yang memudaratkan** terhadap seseorang pemberi maklumat atau mana mana **orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu sebagai tindakan balas terhadap Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar** seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 10, WPA 2010.





UNSUR-UNSUR PENDEDAHAN MAKLUMAT DIBUAT DENGAN 'NIAT TIDAK BAIK'

- Pemberi Maklumat **tidak mempunyai pengetahuan peribadi atau fakta asas** mengenai Pendedahan Maklumat yang dibuat;
- Pemberi Maklumat mengetahui atau telah maklum bahawa **Pendedahan Maklumat atau mana-mana kandungannya adalah palsu**;
- Pendedahan Maklumat **adalah remeh atau menyusahkan**; dan
- Terdapat keadaan lain yang menunjukkan bahawa Pendedahan Maklumat itu **dibuat dengan niat jahat, motif tersembunyi** atau untuk **kepentingan peribadi**.